



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

PEMBANGUNAN KOMUNITI MELALUI INOVASI SOSIAL: KIS 2025 PERKUKUH PELAKSANAAN DASAR INOVASI SOSIAL NEGARA

KUALA LUMPUR, 16 OKTOBER 2025 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) menganjurkan **Konvensyen Inovasi Sosial (KIS) 2025**, sebuah platform strategik yang menyatukan pelbagai pihak berkepentingan dalam usaha mengangkat solusi berinovasi sebagai pemacu perubahan sosial yang mampan.

Memasuki edisi ketiganya, KIS 2025 mengangkat tema “*Social Innovation Living Lab: Connect, Collaborate, Creative, Changescape!*” yang menggambarkan perjalanan seorang inovator sosial yang bermula daripada kesedaran terhadap isu di peringkat komuniti, penghasilan idea-idea kreatif, pembangunan kesiapsiagaan teknologi, pembentukan kerjasama strategik sehinggalah kepada penghasilan produk inovasi sosial yang memberi manfaat nyata kepada masyarakat.

Menurut Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Tuan Chang Lih Kang, inovasi sosial merupakan elemen penting dalam menangani pelbagai cabaran sosioekonomi dihadapi masyarakat moden. Inovasi sosial bukan sekadar menghasilkan penyelesaian baharu yang lebih berkesan dan efisien, malah ia adalah pendekatan holistik yang membangunkan kesejahteraan sosial secara menyeluruh. Melalui pendekatan “*bottom-up*”, komuniti diberi peluang untuk mencipta penyelesaian yang sesuai dengan keperluan sebenar mereka, katanya lagi.

Penganjuran KIS 2025 turut mencerminkan komitmen berterusan MOSTI dalam memperkukuh pelaksanaan Dasar Inovasi Sosial (DIS) yang telah dilancarkan pada tahun 2024. Selaras dengan itu, MOSTI membuka ruang kepada masyarakat untuk mengemukakan isu sosioekonomi yang dihadapi melalui satu platform khas sempena KIS

2025. Isu yang diterima akan diperhalusi dan dikongsikan bersama inovator bagi tujuan pembangunan penyelesaian berasaskan sains, teknologi dan inovasi (STI) sebelum dilaksanakan di peringkat komuniti. Inisiatif ini juga mencerminkan kematangan KIS sebagai platform inovasi sosial nasional yang terus berkembang seiring dengan aspirasi negara menuju kemakmuran dan kelestarian sosial selaras dengan hasrat dan aspirasi Kerajaan MADANI.

Program selama tiga (3) hari yang berlangsung dari 16 Oktober hingga 18 Oktober di GMBB Mall, Bukit Bintang, Kuala Lumpur ini dijangka menerima kehadiran lebih 3,000 pengunjung dengan penyertaan aktif 150 inovator. KIS 2025 turut memperkenalkan 10 solusi inovasi baharu dan 10 produk komersial yang melibatkan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat termasuk inovator sosial, NGO, sukarelawan, ikon inovasi serta komuniti akar umbi selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan inovasi sosial sebagai salah satu pemacu utama dalam agenda pembangunan negara menjelang 2030.

Berbanding penganjuran KIS tahun sebelumnya, KIS 2025 turut menampilkan peningkatan ketara dari segi skala, pendekatan dan impak pelaksanaan. Selain memperluas penglibatan peserta daripada pelbagai latar belakang, edisi kali ini turut menampilkan elemen baharu seperti *Business Matching* dan pengukuhan jaringan strategik antara inovator, industri serta agensi kerajaan. Pendekatan ini menjadikan konvensyen lebih dinamik dan berorientasikan hasil dengan fokus kepada pengkomersialan produk inovasi sosial, pembangunan komuniti berimpak tinggi serta pemerkasaan ekosistem inovasi sosial secara menyeluruh.

Dengan pendekatan berasaskan komuniti dan teknologi tempatan, KIS 2025 diharapkan dapat memperkukuh kolaborasi antara kerajaan, industri, masyarakat sivil dan komuniti akar umbi dalam mencipta solusi yang mampan, inklusif dan berimpak tinggi ke arah kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

TAMAT

Disediakan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

16 OKTOBER 2025